



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

Aras 12-15, Blok A  
Menara Kinabalu  
Jalan Sulaman, Teluk Likas  
88400 KOTA KINABALU  
Tel.: 088-368600, 368601



Bil. JPAN: 1000-9/190 (25)

**24 OCT 2025**

Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah-Daerah Kecil

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PENCALONAN AHLI BAHARU RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB)**

Dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) mempelawa pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan untuk dipertimbangkan sebagai ahli baharu AKRAB, selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005 yang mewajibkan pewujudan AKRAB sebagai agen penggerak budaya kerja kelas pertama.

3. Pengambilan ini boleh dilakukan melalui tiga (03) kaedah seperti berikut.

- 3.1 Permohonan secara terus daripada calon yang berminat.
- 3.2 Pencalonan daripada Ketua Jabatan masing-masing; atau
- 3.3 Pemilihan terus oleh Pegawai Sumber Manusia berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

4. Kriteria asas bagi pengambilan ahli AKRAB baharu adalah seperti berikut:

- 4.1 Terdiri daripada kalangan pegawai Pengurusan dan Profesional atau kakitangan Kumpulan Sokongan.
- 4.2 Mempunyai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sebanyak 85% dan ke atas.
- 4.3 Tidak mempunyai sebarang rekod tatatertib.
- 4.4 Berminat dengan tugas membimbing/kaunseling dan sanggup menghadiri kursus berkaitan kaunseling.
- 4.5 Kesiediaan melakukan kerja-kerja secara sukarela.
- 4.6 Kelebihan kepada calon yang mempunyai latar belakang akademik dalam bidang Psikologi/Kaunseling atau memiliki Lesen Kaunselor Berdaftar Perakuan Amalan (KBPA)

..2

**“SABAH MAJU JAYA”**

RUJUKAN JPAN : 1000-9/190 (35)

TARIKH

: 24 OCT 2025

5. Sehubungan dengan itu, semua Kementerian, Jabatan dan Agensi adalah diminta untuk mencalonkan pegawai/staf yang berkeelayakan dan berminat untuk menjadi ahli baharu AKRAB.

6. Permohonan boleh dilaksanakan dengan mengisi borang melalui pautan <https://sbpt-jpan.sabah.gov.my/akrab/2025/daftar> atau kod QR yang disertakan di Lampiran A selewat-lewatnya 14 November 2025. Info dan proses pengambilan AKRAB disertakan di Lampiran B sebagai rujukan YBhg. Datuk/Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan boleh hubungi pegawai berikut:

| No | Nama                        | No. Telefon                | Email                            |
|----|-----------------------------|----------------------------|----------------------------------|
| 1  | Pn. Azlaily Jufri           | 088-368740<br>010-214 4209 | Azlaily.Jufri@sabah.gov.my       |
| 2  | Pn. Nur Ashiqin M. Abdullah | 088-368757<br>013-870 8199 | NurAshiqin.Abdullah@sabah.gov.my |

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**[ZAINUDIN BIN AMAN]**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri

**RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM  
(AKRAB)**

**PENGENALAN**

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam atau AKRAB merupakan nama khusus bagi pegawai yang dilantik sebagai pembimbing rakan sekerja sepertimana yang dikehendaki dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005.

AKRAB diwujudkan dengan objektif bagi menyediakan medium perantara untuk memberi peluang pegawai berfungsi secara efektif dalam usaha membantu Pengurusan Sumber Manusia di Jabatan. Disamping itu, ia juga sebagai penyumbang kepada usaha pembangunan modal insan dalam Pengurusan Sumber Manusia.

AKRAB terdiri daripada pegawai yang telah dilatih dan memenuhi syarat kursus bagi Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling (PPKK) sebanyak tiga peringkat iaitu asas, pertengahan dan lanjutan yang dianjurkan oleh Jabatan masing-masing. AKRAB membawa maksud Amanah, Komitmen, Rasional, Akhlak, Bestari yang mana ciri-ciri ini perlu ada pada seorang rakan pembimbing.

**FAEDAH AKRAB**

Faedah penubuhan AKRAB boleh dilihat daripada hasil kerja pegawai. Antara faedah tersebut adalah seperti berikut :

- i. Mewujudkan pegawai yang kompeten
- ii. Mewujudkan suasana kerja yang harmoni
- iii. Membantu mengurangkan masalah yang ditanggung oleh rakan pegawai
- iv. Meningkatkan tahap empati di kalangan warga organisasi

Organisasi yang mempunyai ahli AKRAB akan mudah memberikan tumpuan kepada menjana modal insan ke arah perkhidmatan yang bercirikan rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan, berkualiti serta berintegriti melalui pengamalan nilai-nilai murni dikalangan ahli AKRAB. Perkongsian pengalaman dikalangan ahli-ahli AKRAB juga dapat membantu penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dengan lebih cekap dan pantas.



## **MATLAMAT AKRAB**

Setiap organisasi mempunyai beberapa strategi untuk meningkatkan kemantapan dan kecekapan kompetensi modal insan masing-masing. Aspek ganjaran, peneguhan dan dendaan antara strategi yang biasa digunakan untuk membangunkan modal insan dalam organisasi. Bagi menjadikan pengurusan sumber modal insan lebih humanistik, penubuhan kelompok rakan pembimbing atau

AKRAB boleh membantu ahli-ahli untuk :-

**i. Berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan**

Pengalaman dan pengetahuan berharga yang dimiliki oleh pegawai boleh memberi manfaat kepada organisasi. Pelbagai idea dan pemikiran kreatif akan terhasil sekiranya ia dapat dikongsi bersama warga organisasi.

**ii. Memberi sokongan kepada perubahan**

Pegawai memerlukan pandangan dan pendapat daripada orang lain dalam menghadapi sebarang bentuk perubahan. Oleh itu, adalah penting untuk mempunyai rakan yang berkebolehan dan berkemahiran untuk membantu menghadapi perubahan tersebut.

**iii. Memperkuatkan semangat dalam mengekalkan perubahan.**

AKRAB diharap mampu membantu rakan sekerja agar perubahan positif dapat dikekalkan demi kecermalangan diri dan organisasi.

**iv. Berkongsi permasalahan**

Perasaan dan emosi negatif yang dipendam akan mewujudkan konflik diri pegawai. Oleh itu, ia perlu disalurkan secara positif. Justeru, ahli-ahli AKRAB boleh memainkan peranan penting dalam membantu pegawai untuk meluahkan perasaan dan berkongsi pandangan serta pengalaman secara professional.

**v. Membentuk budaya kerja berpasukan**

Budaya tolong-menolong, nilai-nilai kemanusiaan dan kerja secara berpasukan yang diterapkan kepada ahli AKRAB akan menjadi role model kepada pekerja yang lain.

**vi. Meneguhkan perubahan yang dibuat**

Perubahan tingkah laku yang dilaksanakan oleh pegawai perlu diberi peneguhan dan penghargaan agar perubahan tersebut berkekalan. Contohnya dengan cara memberi idea, maklum balas dan motivasi media kepada rakan-rakan sekerja.

## **FALSAFAH**

**"Bantu Diri Untuk Membantu Rakan Lain".**

Dalam usaha membantu rakan, anda mendapat pengetahuan, kemahiran dan pengalaman untuk mempertingkatkan diri dari segi ilmu pengetahuan, tingkah laku, perhubungan, kreativiti dan nilai diri.

### **CIRI-CIRI AKRAB**

- i. **Amanah**  
Sentiasa bersifat amanah bagi menjaga rahsia dan maruah rakan yang dibimbing serta menjaga tahap profesionalisme dalam melaksanakan tugas serta menjaga kelangsungan perkhidmatan yang diberikan.
- ii. **Komitmen**  
Sentiasa memberikan komitmen yang jitu dan usaha yang bersungguh-sungguh bagi memastikan peranan sebagai ahli AKRAB mampu dilaksanakan.
- iii. **Rasional**  
Sentiasa rasional dalam menjalankan tugas sebagai ahli AKRAB kerana perlu menerima rakan yang ingin dibimbing seadanya walaupun berbeza.
- iv. **Akhlak**  
Sentiasa menjaga penampilan diri dan berakhlak mulia boleh menimbulkan rasa percaya orang lain terhadap diri ahli AKRAB dan perkhidmatan yang diberikan.
- v. **Bestari**  
Seseorang ahli AKRAB perlu memiliki ciri kecerdasan, berpengetahuan dan mempunyai budi pekerti yang mulia.

### **PERANAN AKRAB**

Antara peranan ahli AKRAB dalam sesebuah organisasi adalah seperti berikut:-

- i. Membantu dan mengembang mengukuhkan budaya kerja cemerlang.
- ii. Mengukuhkan nilai sendiri.
- iii. Mewujudkan suasana dan persekitaran kerja harmoni.
- iv. Mewujudkan perkongsian pengetahuan, maklumat dan masalah.
- v. Mewujudkan kaedah penyelesaian masalah secara dalaman.
- vi. Mewujudkan kesepakatan di kalangan rakan sejawat.
- vii. Mewujudkan kelompok sokongan kepada pegawai yang memerlukan bantuan.

## **ETIKA AKRAB**


AKRAB perlu menjalankan peranan mereka sebagai rakan pembimbing dengan beretika semasa sesi bimbingan. Di antara etika yang perlu ada dan dijaga oleh ahli AKRAB adalah :-

- i. Amanah dan menyimpan rahsia
- ii. Menerima dan menghormati orang lain
- iii. Memahami batasan dan keupayaan diri
- iv. Sentiasa berusaha mempertingkatkan kemahiran dari pada pelbagai aspek
- v. Melaporkan kepada kaunsleor tentang kes yang boleh merosakkan diri dan orang lain
- vi. Merujuk kes / permasalahan yang rumit kepada pegawai psikologi
- vii. Memahami peraturan dan etika perkhidmatan awam


## PROSES PENGAMBILAN AKRAB

**Tawaran dan permohonan**

*(Borang permohonan boleh diperolehi melalui edaran surat/ portal Unit Psikologi dan Kaunseling JPAN)*




**Semakan Kelayakan oleh Unit Psikologi & Kaunseling JPAN**




**Proses Penilaian & Ujian Psikologi Personaliti**


*(Ujian Psikologi Personaliti akan dijalankan secara dalam talian, emel akan dihantar kepada calon yang melepasi semakan kelayakan)*



**Mengikuti Kursus Pra-AKRAB 1 dan lulus Ujian Penilaian**



**Mengikuti Kursus Pra-AKRAB 2 dan lulus Ujian Penilaian**



**Majlis Pentauliahan sebagai ahli AKRAB**